

18/01/2000

MT pecat lima ahli Umno, dua seumur hidup

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat malam ini, memecat lima ahlinya termasuk dua orang yang dipecat seumur hidup kerana bertanding sebagai calon parti pembangkang pada pilihan raya umum 29 November lalu.

Dua ahli terbabit ialah Usaili Alias, yang bertanding sebagai calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bota di Perak dan Mohd Azmi Lop Yusoff yang bertanding sebagai calon Pas untuk kerusi DUN Bandar di Terengganu.

Tiga lagi dipecat kerana didapati belot kepada parti ketika pilihan raya itu. Mereka ialah Azmi Salleh dan Mohamad Embong dari Terengganu yang mengisytihar diri keluar parti dan menyertai Pas serta Datuk Syed Omar atau Abu Bakar Abdullah juga dari Terengganu kerana berkempen untuk Pas.

Sebanyak 64 anggota dari bahagian Sepang pula diberi surat tunjuk sebab.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan pemecatan itu selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di ibu pejabat parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Ini adalah mesyuarat MT kedua bulan ini tetapi kali ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri kerana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang bercuti di luar negara.

Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang bermesyuarat 5 Januari lalu membuat cadangan supaya mengambil tindakan disiplin ke atas mereka terbabit.

Abdullah yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden berkata, pihaknya masih terus menerima laporan mengenai disiplin ahli parti dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun katanya, jawatankuasa berkenaan yang dipengerusikannya sendiri mengambil masa untuk memperhalusi serta menyelidik setiap aduan sebelum sebarang perakuan dibuat untuk diambil tindakan oleh MT.

Beliau berkata, pada mesyuarat itu, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan Ketua Wanita, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman juga menyatakan pendirian untuk menerima nasihat MT baru-baru ini supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingi.

Katanya, mesyuarat MT itu juga mengarahkan semua bahagian Umno meningkatkan program berkaitan masjid dan surau di seluruh negara dengan biro agama pada peringkat bahagian diberi peranan menjalankan kegiatan ini.

"Biro agama pusat akan menyediakan program berkaitan dengan kegiatan masjid dan surau yang akan dijalankan oleh biro bahagian," katanya.

Abdullah berkata, biro-biro lain pada peringkat bahagian berkaitan pendidikan, buruh, belia, penerangan dan lain-lain juga diarahkan supaya mempertingkatkan kegiatan mereka.

Katanya, langkah-langkah lanjut yang akan diambil setelah ceramah pertama diberi oleh Dr Mahathir berkaitan kursus pemulihan ke arah pengukuhan Umno, MT bersetuju supaya badan perhubungan negeri dapat menjalankan kursus dengan menggunakan tenaga terlatih.

"Di samping itu juga, kami turut berbincang mengenai tindakan perlu untuk menjelaskan dasar kerajaan kepada pegawai-pegawai, kerana didapati masih banyak pegawai kerajaan yang masih belum memahami dasar kerajaan yang dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu turut memperakukan penubuhan 14 cawangan baru Umno di seluruh negara.

Abdullah turut ditanya mengenai kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba bahawa lebih elok jika jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini.

"Semua kita telah beri pandangan masing-masing dan perkara itu hanya cadangan tambahan daripada salah seorang pemimpin Umno. Perbincangan akan berterusan," kata Abdullah.

(END)